



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PERUMAHAN PENEMPATAN  
SEMULA NELAYAN (PSN), BENTING LINTANG, BESUT**

**24 JANUARI 2022**

## **SALUTASI**

Terima kasih kepada pengacara majlis

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR  
MENTERI BESAR TERENGGANU

YANG BERHORMAT DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH TIMBALAN  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II

YANG BERHORMAT MULIA TENGGU SERI BIJAYA RAJA  
SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM  
PENGERUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI MAKANAN,  
PERLADANGAN, KOMODITI DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK  
PENGERUSI JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN, PERUMAHAN, KESIHATAN  
DAN ALAM SEKITAR

YANG BERHORMAT HAJI NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN  
PENGERUSI JAWATANKUASA KEUSAHAWANAN, SUMBER MANUSIA, INDUSTRI  
MIKRO DAN HAL EHWAL PENGGUNA MERANGKAP ADUN KOTA PUTERA

YANG BERHORMAT DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL  
PENGERUSI LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN), MAFI

YBRS TUAN YUSOFF BIN OTHMAN  
KETUA PENGARAH LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

ENCIK AHMAD FARHAN BIN ABDUL WAHAB  
PEGAWAI DAERAH BESUT

KETUA -KETUA JABATAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

## **Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia**

1. Saya amat bersyukur kerana kita dapat bersama-sama berkumpul di dalam **Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) Benting Lintang, Besut**. Sesungguhnya hari ini adalah merupakan hari yang amat bermakna bagi penduduk negeri Terengganu, khususnya nelayan di daerah Besut kerana hari ini, kita akan menyaksikan sendiri, satu lagi projek usahasama Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan dibangunkan, yang mana ia akan dapat memberikan lebih keselesaan kepada nelayan di daerah Besut khususnya.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin **mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan Negeri Terengganu di atas undangan, menjemput saya hadir ke Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) Benting Lintang, Besut**. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada mereka yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana telah memberi kerjasama dalam menjayakan majlis ini.
3. Saya amat mengharapkan agar saudara saudari hadirin sekalian, sentiasa komited dalam usaha meneruskan dan memajukan industri perikanan negara seterusnya membangunkan masyarakat nelayan.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

4. Kerajaan sentiasa merangka pelbagai dasar dan bantuan untuk meringankan bebanan nelayan di seluruh negara.
5. Kerajaan telah menubuhkan agensi khusus **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** bagi menangani isu-isu melibatkan kehidupan nelayan di negara ini. Setahu saya, tiada negara yang menyediakan pembelaan sebegitu besar kepada golongan nelayan seperti di negara kita ini.
6. Kerajaan juga meneruskan pelaksanaan **Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan** yang diperkenalkan pada tahun 2006 bagi membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung oleh nelayan disebabkan kesan daripada kenaikan harga minyak di pasaran. Bagi tahun ini, sebanyak **47,923 pemilik vesel** telah menerima manfaat daripada **skim ini dengan peruntukan sebanyak 383 juta ringgit**.
7. Pada masa yang sama, Kerajaan masih meneruskan **Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHITI) sejak dari tahun 2008** yang lalu sebagai galakan kepada nelayan-nelayan untuk meningkatkan pendaratan ikan dalam negara sekaligus menjana pendapatan.
8. Bagi menjaga kebajikan para nelayan, **Kerajaan melalui LKIM telah mencarum di PERKESO di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS)**. Skim SKSPS ini memberi perlindungan kepada orang yang bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit dan kemalangan semasa menjalankan

aktiviti pekerjaan. Bagi tahun 2021, **sejumlah 35,200 orang nelayan telah dicarum dan jumlah pampasan sebanyak 113 ribu ringgit telah dibayar melibatkan 47 orang mangsa.**

9. Dalam membantu golongan nelayan meringankan beban dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup, **dari Januari sehingga Disember 2021**, seramai **34,568 orang nelayan laut** telah menerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut sebanyak **300 ringgit sebulan** dengan peruntukkan sebanyak **126 juta ringgit**. Manakala, bagi **Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND)** pula, **dari Januari sehingga Disember 2021**, seramai 3,500 orang nelayan darat telah menerima sebanyak **250 ringgit sebulan** dengan implikasi kewangan kepada Kerajaan berjumlah **10.5 juta ringgit**.
10. **LKIM juga melalui Pinjaman Dana Nelayan** telah menyediakan **pinjaman mudah kepada nelayan antara lain, bagi pembelian bot, peralatan baru dan pinjaman modal operasi** dengan peruntukan **sebanyak 4 juta ringgit bagi tahun 2022**.
11. **Semasa pandemik Covid-19, Dana Khas Persatuan Nelayan sebanyak 15 juta ringgit** juga disediakan oleh Kerajaan di bawah **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)** yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran industri agromakanan Negara, memacu aktiviti pemulihan ekonomi dalam subsektor perikanan dan memastikan bekalan makanan terjamin.
12. **Menerusi bajet RMKe-12, LKIM** telah menerima peruntukan **sebanyak 11 juta ringgit untuk menarik minat golongan warga tempatan khususnya golongan belia bagi menyertai industri perikanan** dengan mewujudkan ekosistem vesel nelayan moden yang terdiri daripada Zon A dan C2. **Sebanyak 15 buah vesel nelayan moden Zon A dan sebuah vesel Zon C akan dibina dan dilengkapi dengan pelbagai peralatan tangkapan moden akan ditempatkan di seluruh Negara.**
13. Selain dari menyediakan prasarana fizikal bagi kegunaan warga tempatan, **LKIM juga bekerjasama dengan MAFI dalam mewujudkan modul-modul latihan yang bersesuaian agar warga tempatan *hands on* dalam pengendalian bot dan peralatan tangkapan.**
14. Sehingga ke hari ini, Kerajaan telah berbelanja berbillion ringgit bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan inisiatif untuk nelayan termasuk kemudahan infrastruktur seperti pelabuhan perikanan, kompleks-kompleks pendaratan ikan, jeti-jeti dan lain-lain lagi.
15. Dalam hal ini, saya mohon para nelayan memberikan **sokongan padu serta kerjasama yang tidak berbelah** bagi kepada kerajaan serta jabatan dan agensi terlibat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan program demi kebaikan kita bersama. **Sesungguhnya Kerajaan sesekali tidak pernah mengabaikan golongan nelayan sehingga ke hari ini.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

16. Melangkah ke hadapan, **Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)** adalah merupakan usaha Kerajaan Persekutuan bagi **meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah dengan membaik pulih rumah, membina rumah baharu dan mewujudkan penempatan semula nelayan dengan prasarana asas supaya golongan nelayan menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.**
17. **Projek PKPN ini merangkumi Bina Baru Rumah Nelayan, Baik Pulih Rumah Nelayan serta Penempatan Perumahan Semula Nelayan.**
18. **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)** melalui **Jawatankuasa Induk PKPN** dipertanggungjawabkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan PKPN. Bagi Program PSN pula, Unit Perancang Ekonomi Negeri merupakan agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan **untuk memantau pelaksanaan projek dan memastikan projek siap mengikut jadual yang ditetapkan.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

19. **Setakat ini, Kerajaan melalui LKIM telah menerima peruntukan PKPN sebanyak 460 juta ringgit.**
20. Kerajaan telah memperuntukkan **197 juta ringgit untuk program PSN** di seluruh malaysia di mana sebanyak **1,772 buah rumah telah diluluskan oleh jawatankuasa untuk program ini sehingga 30 November 2021.** Manakala, sebanyak **247 juta ringgit untuk kategori baik pulih rumah nelayan melibatkan 23,511 buah rumah nelayan dan 14 juta ringgit untuk kategori bina rumah baharu melibatkan 253 buah rumah nelayan.**
21. Bagi **Negeri Terengganu** pula, sebanyak **150 buah rumah nelayan** telah diluluskan untuk **program PSN** di tiga buah lokasi iaitu **Pulau Sekepeng di Daerah Kemaman, Kampung Seberang Penarik di Daerah Setiu dan Kampung Benting Lintang di Daerah Besut** melibatkan peruntukan sebanyak **13 juta ringgit.** Saya berharap projek ini dapat dijalankan dengan segera demi kesejahteraan dan kesejahteraan keluarga nelayan di Negeri Terengganu ini.
22. Dalam Bajet 2022, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 4.82 bilion ringgit kepada MAFI. Secara khususnya, **MAFI akan menerima 1.7 bilion ringgit bagi pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian serta perikanan untuk tahun 2022.**
23. Untuk **perancangan masa hadapan**, seandainya ada permintaan daripada nelayan dan **Kerajaan Negeri Terengganu**, tentu sekali **MAFI akan mempertimbangkan untuk menambah bilangan rumah di tapak Penempatan Perumahan Semula Nelayan di Benting Lintang, Besut** supaya nelayan-nelayan di Besut dapat

**sama-sama menikmati kesejahteraan dan kesejahteraan hidup sebagai Keluarga Malaysia.**

24. Ini adalah bagi memastikan **Keluarga nelayan dapat terus meningkatkan hasil tangkapan selain meningkatkan sumber pendapatan keluarga serta bekalan sumber protein negara kita.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

25. Sektor perikanan dan akuakultur merupakan antara subsektor agromakanan yang diberikan penekanan **dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).**
26. Ini akan memastikan tahap **kesejahteraan pengeluar makanan subsektor perikanan dan akuakultur dapat terus dipertingkatkan.**
27. MAFI melalui LKIM sentiasa memberi perhatian serius dalam usaha membangunkan sektor perikanan dan akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membangunkan **bukan sahaja sektor perikanan tetapi sektor agromakanan secara keseluruhan untuk kesejahteraan *frontliners* sektor ini dan Rakyat secara amnya.**
28. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat bagi Projek Perumahan Penempatan Semula (PSN) ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu atas kesudian beliau hadir dan seterusnya merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN), Benting Lintang, Besut pada hari ini.

Sekian, terima kasih.